



9th INDES 2020
LIMITLESS MIND:
EMPOWERING INNOVATION THROUGH VISUALIZATION



الجامعة
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Perak

PROGRAM
PROCEEDINGS
ABSTRACTS BOOK

The 9th International Innovation, Invention
& Design Competition
INDES2020

17th May – 10th October 2020

INFOGRAFIK DAKWAH INTERAKTIF

Anwar Ahmad Fauzi¹, Norazmi Anas², Shahril Nizam Zulkipli², Mohd Syukri Mohd Noor² and Amin Che Ahmat²

¹Bahagian Dakwah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Pejabat Pentadbiran Agama Islam Daerah Tapah, Jalan Raja, 35000 Tapah, Perak, MALAYSIA

E-mail: anwarfauzi8a@gmail.com

²Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Tapah, 35400 Tapah Road, Perak, MALAYSIA

ABSTRAK

Pandemik COVID-19 yang melanda dunia pada hari ini telah menyebabkan masjid dan surau tidak berfungsi secara maksimum, kehadiran jemaah terhad dan aktiviti dakwah melalui kuliah-kuliah konvensional terjejas teruk khususnya di Malaysia hasil penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Oleh itu, infografik dicadangkan sebagai salah satu medium dakwah interaktif secara digital yang mampu menarik minat orang awam hasil visualisasi data penyampaian maklumat kompleks yang ringkas, padat, cepat dan mudah difahami serta boleh dicapai melalui gajet moden seperti telefon pintar, tablet, laptop dan sebagainya. Ia telah digunapakai oleh institusi Islam di Malaysia seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) di secara berperingkat. Maka, penyampaian dakwah Islam kembali terbuka luas tanpa sempadan masa dan ruang tertentu, berterusan dari semasa ke semasa dan meningkatkan keberkesanan dakwah itu sendiri hasil pengaplikasiannya melalui teknologi-teknologi moden bagi melahirkan ‘Super Smart Society 5.0’ selari kehendak syarak Islam.

Keywords: infografik, dakwah interaktif, pandemik COVID-19

1. PENGENALAN

Infografik merupakan visualiasi data maklumat kompleks secara cepat dan jelas termasuk tanda, rajah, peta, grafik dan carta yang menggabungkan tiga (3) elemen utama iaitu visual, kandungan dan pengetahuan [1]. Rekabentuknya sangat signifikan bagi membantu masyarakat memahami sesuatu maklumat kompleks dengan mudah, menarik, meyakinkan dan senang diingati [2] berbanding dalam bentuk portal dan dokumen [3, 4]. Ia diakui oleh Yeşiltaş dan Cevher [5] dan Won [6] yang menyatakan bahawa infografik interaktif memberi kesan positif kepada pengguna. Seiring dengan perkembangan zaman era pemusatan media, dakwah secara digital melalui media sosial menjadi trend terkini dunia komunikasi hari ini yang dipengaruhi oleh dua (2) faktor utama iaitu perkembangan pesat teknologi komunikasi dan kebergantungan masyarakat terhadap teknologi komunikasi tersebut [7]. Selari dengan Revolusi Industri 4.0, capaian akses internet secara global yang pantas menjadi tarikan masyarakat dunia khususnya golongan muda dalam mendapatkan maklumat semasa saban hari melalui media sosial [8]. Oleh yang demikian, infografik dilihat sebagai salah satu medium dakwah interaktif terkini yang boleh digunapakai bagi meneruskan usaha dakwah Islam yang terjejas akibat penularan wabak COVID-19.

2. PERNYATAAN MASALAH

Pandemik COVID-19 telah menyebabkan penangguhan aktiviti masjid dan surau di seluruh negara bermula Mac sehingga Jun 2020 yang lalu atas perkenan Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah sebagai langkah pencegahan penularan wabak tersebut di Malaysia [9] dalam fasa penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Walaupun masjid dan surau dibuka semula pada bulan Jun 2020 dalam fasa Perintah Kawalam Pergerakan Bersyarat (PKPB) sehingga kini, kehadiran jemaah yang terhad diikuti SOP yang ketat [10] seperti penjarakkan sosial telah menjejaskan aktiviti dakwah melalui kuliah-kuliah konvensional. Maka, medium dakwah alternatif perlu dibangunkan supaya aktiviti dakwah dapat diteruskan selari dengan kehendak syarak Islam.

3. OBJEKTIF

- i. Mendedahkan konsep infografik kepada masyarakat awam.
- ii. Mempromosikan infografik sebagai salah satu medium dakwah interaktif pasca COVID-19 di Malaysia.

4. KEBAHARUAN

- i. Rekabentuk infografik menggunakan platform yang mudah kepada pendakwah.
- ii. Merangka SOP yang efektif merekabentuk dan membangunkan infografik mesra pendakwah.

5. KEBAIKAN

- i. Penyampaian dakwah secara digital yang mudah, pantas dan menjimatkan masa.
- ii. Meningkatkan tahap pengetahuan dan kefahaman masyarakat berkaitan Islam secara ringkas dan padat.

6. POTENSI KOMERSIALISASI

- i. Mesra pendakwah dengan kos efektif dan murah.
- ii. Pulangan kewangan kepada pereka (*designer*) yang kreatif dan inovatif.

7. ANUGERAH DITERIMA/PENERBITAN

- i. Ahmad Fauzi, A. & Anas, N. (2020). Interactive Infographic as a New Da'wah Tools Post COVID-19. *SEARCH Journal of Media and Communication Research* (Forthcoming Issue).
- ii. Anas, N. & Ahmad Fauzi, A. (2020). Dakwah Digital Berasaskan Infografik di Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* (Forthcoming Issue)

REFERENCES

1. Thatcher, B. (2012). An overview of infographics, Webinar. Illinois Central College Teaching and Learning Center.
2. Yuvaraj, M. (2017). Infographics: tools for designing, visualizing data and storytelling in libraries. *Library Hi Tech News*.
3. Siricharoen, W. V., & Siricharoen, N. (2015, May). How infographic should be evaluated. In *Proceedings of the 7th International Conference on Information Technology (ICIT 2015)* (pp. 558-564).
4. Siricharoen, W. V. (2013, May). Infographics: the new communication tools in digital age. In *The international conference on e-technologies and business on the web (ebw2013)* (pp. 169-174).
5. Yeşiltaş, E., & Cevher, S. (2018). Effectiveness of Interactive Infographic Use in Social Studies Teaching. *Zeitschrift für die Welt der Türken/Journal of World of Turks*, 10(3), 218-231.
6. Won, J. (2018). Interactive infographics and delivery of information: The value assessment of infographics and their relation to user response. *Archives of Design Research*, 31(1), 57-69.
7. Habibi, M. (2018). Optimalisasi Dakwah Melalui Media Sosial Di Era Milenial. *Al-Hikmah: Jurnal Dakwah*, 12(1), 101-116.
8. Rusydiyah, E. F. (2020). THE MILLENNIAL KIAIS. *Epistemé: Jurnal Pengembangan Ilmu Keislaman*, 15(1), 75-97.
9. Roslan, S. (2020). Covid-19: Semua aktiviti di masjid, surau ditangguhkan. *MyMetro*. Retrived from <https://www.hmetro.com.my/utama/2020/03/555161/covid-19-semua-aktiviti-di-masjid-surau-ditangguhkan>
10. JAKIM (2020). SOP Aktiviti Masjid dan Surau. Retrived from <http://www.islam.gov.my/rujukan/garis-panduan/2465-sop-aktiviti-masjid-dan-surau>



Surat kami : 700-KPK (PRP.UP.1/20/1)
Tarikh : 30 Ogos 2022

YBhg. Profesor Ts Sr Dr Md Yusof Hamid, PMP, AMP
Rektor
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Perak



YBhg. Profesor

**PERMOHONAN KELULUSAN MEMUAT NAIK PENERBITAN UiTM CAWANGAN PERAK
MELALUI REPOSITORI INSTITUSI UiTM (IR)**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Pihak Perpustakaan ingin memohon kelulusan YBhg. Profesor untuk membuat imbasan (*digitize*) dan memuat naik semua jenis penerbitan di bawah UiTM Cawangan Perak melalui Repositori Institusi UiTM, PTAR.
3. Tujuan permohonan ini adalah bagi membolehkan akses yang lebih meluas oleh pengguna Perpustakaan terhadap semua bahan penerbitan UiTM melalui laman Web PTAR UiTM Cawangan Perak.

Kelulusan daripada pihak YBhg. Profesor dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang benar